

PERISYTIHARAN JUALAN
DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR
BAHAGIAN SIVIL
PERMOHONAN UNTUK PELAKSANAAN NO.: WA-38-1165-11/2019

Dalam perkara Seksyen 256 Kanun Tanah Negara 1965

Dan

Dalam perkara Perserahan Gadaian-Gadaian No. 34752/2015, No. 34753/2015, No. 34754/2015 dan No. 34755/2015 ke atas kesemua bahagian hartanah yang terletak di bawah Hakmilik Pajakan Negeri (WP) No. 30043, Lot 57789, Mukim Batu, Daerah Kuala Lumpur Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Dan

Dalam perkara Aturan 83 Kaedah 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

ANTARA

MAYBANK ISLAMIC BERHAD (NO. SYARIKAT: 787435-M)

PLAINTIF

DAN

POWER PRESS & DESIGN (M) SDN BHD (NO. SYARIKAT: 670793-M)

DEFENDAN

Menurut Perintah Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur mengenai Perintah Jualan dan Perintah Notis Permohonan bertarikh pada 25.06.2019 dan 26.12.2019 adalah dengan ini diisytiharkan bahawa **Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur** dengan dibantu oleh Pelelong berdaftar yang dilantik oleh Mahkamah:-

AKAN MENJUAL SECARA

LELONGAN AWAM

PADA: HARI RABU, 12^{HB} FEBRUARI 2020 JAM: 9.30 PAGI

DI BILIK LELONG, MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR,

BAHAGIAN PELAKSANAAN, ARAS 2, SAYAP KIRI,

KOMPLEKS MAHKAMAH KUALA LUMPUR, JALAN TUANKU ABDUL HALIM (JALAN DUTA),

50592 KUALA LUMPUR

BUTIR-BUTIR HAKMILIK

NO. HAKMILIK	: PN 30043
NO. LOT	: Lot 57789
MUKIM / DAERAH / NEGERI	: Batu / Kuala Lumpur / Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
PEGANGAN	: Pajak selama tempoh 99 tahun dan berakhir pada 06.03.2101
KELUASAN TANAH	: 232 meter persegi (2,497 kaki persegi)
CUKAI TAHUNAN	: RM427.00 setahun
PEMILIK BERDAFTAR	: POWER PRESS & DESIGN (M) SDN BHD (NO. SYARIKAT: 670793-M) - (1/1 Bahagian)
KATEGORI KEGUNAAN TANAH	: Perusahaan / Perindustrian
SYARAT-SYARAT NYATA	: Tanah ini hendaklah digunakan untuk tapak perusahaan sahaja
SEKATAN KEPENTINGAN	: Tanah ini tidak boleh dipindahmilik atau dipajak melainkan dengan kebenaran Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
BEBANAN	: Digadaikan sebanyak empat kali kepada MAYBANK ISLAMIC BERHAD melalui No. Perserahan PDSC34752/2015, PDSC34753/2015, PDSC34754/2015 dan PDSC34755/2015, semuanya didaftarkan pada 19.08.2015.

NOTA : Bakal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat carian Hakmilik secara rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa semua tanggungan, bebanan serta mengenal pasti dengan tepat hartanah tersebut sebelum jualan lelongan dijalankan.

LOKASI DAN PERIHAL HARTANAH

Hartanah tersebut merupakan sebuah kilang teres 1 ½ tingkat unit tengah yang beralamat di NO. 4, JALAN 12/32B, TSI BUSINESS INDUSTRIAL PARK, BATU 6 ½, OFF JALAN KEPONG, 52100 KUALA LUMPUR.

HARGA RIZAB

Hartanah tersebut akan dijual dalam "keadaan sepertimana sediaada" dan tertakluk kepada satu harga rizab sebanyak **RM1,800,000.00 (RINGGIT MALAYSIA : Satu Juta Lapan Ratus Ribu) SAHAJA** dan kepada Syarat-Syarat Jualan yang dilampirkan. Penawar yang berminat hendaklah mendepositkan **sepuluh peratus (10%)** daripada harga rizab dalam bentuk **Bank Draf** di atas nama Plaintiff, **MAYBANK ISLAMIC BERHAD** sebelum jam **9.00 pagi** pada hari lelongan. Baki wang belian hendaklah dibayar oleh penawar yang berjaya kepada Plaintiff, **MAYBANK ISLAMIC BERHAD** dalam tempoh **seratus dua puluh (120) hari** dari tarikh jualan dan bahawa tiada apa-apa lanjutan dibenarkan berdasarkan Seksyen 257 Kanun Tanah Negara 1965.

Untuk butir-butir selanjutnya, sila berhubung dengan:-

- 1) Nama pelelong** : Lee Suh Miin
Syarikat Pelelong : Good Land Management Sdn Bhd (912947-A)
Alamat : No. 46-A, Tingkat 1, Jalan SS2/61, 47300 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
No. Telefon : 03-7876 6688
No. Faks : 03-7876 3688
- 2) Firma Guaman** : TETUAN C H YEAP MALUDA CHEH
Alamat : 18-3A, Udarama Complex, Jalan 3/64A, Off Jalan Ipoh, 50350 Kuala Lumpur
No. Telefon : 03-4041 0405
No. Fax : 03-4041 1536
No. Rujukan : F.Clo/110673/19/600(B)/YCH/sf

PROCLAMATION OF SALE
IN THE HIGH COURT OF MALAYA AT KUALA LUMPUR
CIVIL DIVISION
APPLICATION FOR EXECUTION NO.: WA-38-1165-11/2019

In the matter of Section 256 of National Land Code 1965
And
In the matter of Charge Presentation No. 34752/2015, No. 34753/2015, No. 34754/2015 and No. 34755/2015 over the all part property held under Title PN (WP) No. 30043, Lot 57789, Mukim of Batu, District of Kuala Lumpur State of Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
And
In the matter of Order 83 Rule 1 Rules of Court 2012.

BETWEEN

MAYBANK ISLAMIC BERHAD (COMPANY NO.: 787435-M)

PLAINTIFF

AND

POWER PRESS & DESIGN (M) SDN BHD (COMPANY NO.: 670793-M)

DEFENDANT

In pursuance to the **Order for Sale and Order for Notice of Application of the High Court of Malaya at Kuala Lumpur** dated 25.06.2019 and 26.12.2019 it is hereby proclaimed that the **Deputy Registrar / Senior Assistant Registrar, High Court of Malaya at Kuala Lumpur** with the assistance of the registered Auctioneer appointed by the High Court:-

WILL SELL BY
PUBLIC AUCTION

ON: WEDNESDAY, 12TH FEBRUARY 2020 AT: 9.30 A.M.
AT THE AUCTION ROOM, THE HIGH COURT MALAYA AT KUALA LUMPUR
EXECUTION DEPARTMENT, LEVEL 2, LEFT WING
KUALA LUMPUR HIGH COURT, JALAN TUANKU ABDUL HALIM (JALAN DUTA),
50592 KUALA LUMPUR

PARTICULARS OF TITLE

TITLE NO.	:	PN 30043
LOT NO.	:	Lot 57789
MUKIM / DISTRICT / STATE	:	Batu / Kuala Lumpur / Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
TENURE	:	Leasehold interest for a term of 99 years and expiring on 06.03.2101
LAND AREA	:	232 square metres (2,497 square feet)
QUIT RENT	:	RM427.00 annually
REGISTERED PROPRIETOR(S)	:	POWER PRESS & DESIGN (M) SDN BHD (COMPANY NO.: 670793-M) - (1/1 Share)
CATEGORY OF LAND USE	:	"Perusahaan / Perindustrian"
EXPRESS CONDITION	:	"Tanah ini hendaklah digunakan untuk tapak perusahaan sahaja"
RESTRICTION IN INTEREST	:	"Tanah ini tidak boleh dipindahmilik atau dipajak melainkan dengan kebenaran Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur"
ENCUMBRANCES	:	Charged four times to MAYBANK ISLAMIC BERHAD vide Presentation Nos. PDSC34752/2015, PDSC34753/2015, PDSC34754/2015 and PDSC34755/2015, all dated registered on 19.08.2015.

NOTE: Prospective bidders are advised to make an official title search at the Land Office, to inspect all the debts, encumbrances and to ascertain accurately the subject property prior to the auction sale conducted.

LOCATION AND DESCRIPTION OF PROPERTY

The subject property comprises of a **one and a half storey intermediate terrace factory** bearing postal address of **NO. 4, JALAN 12/32B, TSI BUSINESS INDUSTRIAL PARK, BATU 6 ½, OFF JALAN KEPONG, 52100 KUALA LUMPUR.**

RESERVE PRICE

The subject property will be sold on an "as is where is basis" and subject to a reserve price of **RM1,800,000.00 (RINGGIT MALAYSIA : One Million Eight Hundred Thousand)** ONLY and to the Conditions of Sale as printed in the Proclamation of Sale. All intending bidders are required to deposit **ten percent (10%)** of the fixed reserve price by **Bank Draft** only in favour of the name of Plaintiff, **MAYBANK ISLAMIC BERHAD** before **9.00 a.m.** on the day of the auction sale and the balance of the purchase price shall be paid by the Purchaser within **one hundred twenty (120) days** from the date of sale to Plaintiff, **MAYBANK ISLAMIC BERHAD** and there shall be no extension of time granted pursuant to Section 257 of National Land Code 1965.

For further particulars please apply:-

- | | | |
|---------------------|---|---|
| 1) Auctioneer | : | Lee Suh Miin |
| Company Name | : | Good Land Management Sdn Bhd (912947-A) |
| Address | : | No. 46-A, 1 st Floor, Jalan SS2/61, 47300 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. |
| Telephone No. | : | 03-7876 6688 |
| Fax No. | : | 03-7876 3688 |
| 2) Name of Law Firm | : | MESSRS C H YEAP MALUDA CHEH |
| Address | : | 18-3A, Udarama Complex, Jalan 3/64A, Off Jalan Ipoh, 50350 Kuala Lumpur |
| Telephone No | : | 03-4041 0405 |
| Fax No. | : | 03-4041 1536 |
| Reference No. | : | F.Clo/110673/19/600(B)/YCH/sf |

SYARAT-SYARAT JUALAN

1.
 - i) Penawar yang berminat untuk membuat tawaran pada hari lelongan hendaklah hadir sendiri ke Mahkamah. Penawar hanya boleh diwakili oleh ejen hartanah yang berlesen atau ahli keluarga terdekat yang terdiri daripada suami, isteri, ibu, bapa, anak atau adik-beradik kandung sahaja.
 - ii) Pelelong juga adalah dibenarkan untuk menjadi wakil penawar dengan syarat Pelelong itu bukanlah pelelong yang menjalankan lelongan tersebut.
 - iii) Penawar yang ingin membuat tawaran adalah dikehendaki mendaftar diri dan menandatangani kepada Mahkamah satu jumlah wang sebanyak 10% daripada harga rizab dalam bentuk Bank Draf atas nama **Plaintif, MAYBANK ISLAMIC BERHAD**. Sekiranya didapati Bank Draf tersebut kurang atau melebihi 10% daripada harga rizab yang ditetapkan, Bank Draf tersebut akan ditolak oleh Mahkamah. Bank Draf hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Lelongan yang disediakan oleh Mahkamah sebelum **jam 9.00 pagi**. Bank Draf yang diterima selepas jam 9.00 pagi akan ditolak oleh Mahkamah.
 - iv) Penawar yang ingin membuat tawaran dikehendaki memasukkan Bank Draf bersama kad pengenalan penawar yang asal. Sekiranya penawar menghantar wakil, wakil tersebut hendaklah memasukkan Bank Draf bersama kad pengenalan asal wakil, salinan kad pengenalan penawar yang diakui sah dan surat wakil.
 - v) Nama penawar, nombor kad pengenalan, alamat terkini dan nombor kes pelaksanaan hendaklah ditulis di belakang Bank Draf tersebut.
 - vi) Bagi penawaran oleh syarikat, Borang 49 Akta Syarikat 1965, Memorandum dan Artikel Syarikat serta Resolusi Pengarah yang ditandatangani oleh kesemua pengarah hendaklah disertakan. Nama, nombor pendaftaran, alamat berdaftar syarikat yang terkini dan nombor kes pelaksanaan hendaklah ditulis di belakang Bank Draf tersebut.
 - vii) Penawar yang telah memasukkan Bank Draf tidak boleh menarik diri daripada lelongan kecuali dengan kebenaran Mahkamah.
 - viii) Bank Draf yang dimasukkan akan dikembalikan kepada penawar yang tidak berjaya, manakala Bank Draf bagi penawar yang berjaya pula akan diserahkan kepada Peguam Plaintiff selepas lelongan selesai.
2. Penawar hendaklah berumur 18 tahun dan ke atas. Kelayakan penawar adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang negeri yang sedia ada.
3. Mana-mana Penawar yang ingin membuat bidaan bagi pihak orang perseorangan, badan berkanun atau syarikat, adalah dikehendaki mengemukakan surat wakil kepada Mahkamah sebelum jam 9.00 pagi pada hari lelongan. Surat wakil tersebut hendaklah mengesahkan penawar telah diberi kuasa untuk membuat bidaan dan menandatangani semua dokumen yang berkaitan.
4. Lelongan hendaklah dijalankan pada jam 9.30 pagi ataupun pada waktu lain yang ditetapkan oleh Mahkamah.
5. Mana-mana warganegara asing atau syarikat asing tidak boleh menjadi penawar bagi hartanah yang tertakluk kepada apa-apa sekatan di bawah mana-mana undang-undang kecuali dengan kelulusan pihak berkuasa berkenaan.
6. **PENAWAR ADALAH BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MENGENALPASTI BUTIR-BUTIR HARTANAH, DAN MEMASTIKAN SEGALA TANGGUNGAN SERTA BEBANAN HARTANAH ADALAH TEPAT.**
7. Plaintiff yang dibenarkan menjadi penawar melalui perintah Mahkamah boleh membuat bidaan semasa lelongan dan Plaintiff juga adalah tertakluk kepada syarat-syarat jualan.
8. Jika penawar yang telah mendaftar diri dan membayar deposit gagal membuat sebarang bidaan semasa lelongan dijalankan yang menyebabkan lelongan terpaksa ditangguhkan, penawar tersebut bolehlah disenaraihitamkan dan dihalang daripada menjadi penawar selama satu (1) tahun.
9. Sekiranya penawar yang disenaraihitamkan seperti dalam para (8) tidak berpuas hati terhadap keputusan tersebut, penawar bolehlah mengemukakan rayuan kepada Pengarah Mahkamah Negeri masing-masing.
10. Tawaran untuk bidaan hendaklah tidak kurang daripada harga kenaikan yang ditetapkan oleh Mahkamah pada masa lelongan.
11. Lelongan adalah dianggap muktamad selepas ketukan tukul atau bunyi loceng terakhir.
12. Plaintiff hendaklah menyediakan dan menyerahkan Borang 16Q Kanun Tanah Negara 1965 kepada Mahkamah dan Defendan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh lelongan.
13. Memorandum Jualan hendaklah disediakan oleh Pelelong dalam empat (4) salinan dan hendaklah ditandatangani oleh penawar yang berjaya atau wakil penawar yang berjaya, Plaintiff atau Peguam Plaintiff dan Pegawai Mahkamah yang menyaksikan proses lelongan tersebut pada hari yang sama dan setem hasil bolehlah dimatikan

sendiri oleh penawar yang berjaya atau wakil penawar yang berjaya, Plaintiff atau Peguam Plaintiff di hadapan Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar yang menyaksikan lelongan.

14. Bayaran duti setem adalah di bawah tanggungan penawar yang berjaya dan tiada apa-apa lanjutan masa akan diberikan.
15. Memorandum Jualan yang telah disempurnakan hendaklah diserahkan kepada penawar yang Berjaya atau wakil penawar yang Berjaya, Plaintiff atau Peguam Plaintiff, Mahkamah dan satu salinan untuk simpanan Pelelong.
16. Penawar yang berjaya hendaklah menandatangani Memorandum Jualan dan juga hendaklah membuat pembayaran baki harga belian dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari dari tarikh jualan dan tiada apa-apa lanjutan masa akan diberikan. Kegagalan penawar yang berjaya untuk memenuhi kedua-dua syarat tersebut akan menyebabkan jualan tersebut adalah terbatal dan wang deposit 10% daripada harga rizab akan dirampas oleh Plaintiff dan digunakan untuk menjelaskan bayaran hutang Defendan kepada Plaintiff setelah ditolak segala perbelanjaan lelongan tersebut.
17. Setelah Memorandum Jualan ditandatangani, hartanah tersebut akan menjadi tanggungjawab penawar yang berjaya. Mahkamah atau Plaintiff tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kehilangan, kerosakan atau kemusnahan hartanah tersebut.
18. Plaintiff atau Peguam Plaintiff hendaklah menyerahkan kepada Mahkamah dalam tempoh tujuh (7) hari selepas baki harga belian diterima, satu Perakuan Bertulis penerimaan baki harga belian beserta salinan resit bayaran.
19. Plaintiff atau Peguam Plaintiff hendaklah dalam tempoh empat belas (14) hari selepas menerima baki harga belian:
 - i) membayar semua bayaran yang tertunggak kepada Pihak Berkuasa Negeri atau pemberi pajakan (jika gadaian yang berkenaan adalah gadaian ke atas pajakan) dan apa-apa bayaran lain yang wujud sebelum dan sehingga tarikh jualan lelongan berjaya kepada Pihak Berkuasa Negeri atau mana-mana pihak berkuasa tempatan.
 - ii) membayar semua perbelanjaan lain yang disahkan oleh Pendaftar Mahkamah atau Pentadbir Tanah (jika ada), yang berkaitan dengan pelaksanaan perintah jualan.
 - iii) memberi salinan resit-resit bayaran perbelanjaan di para (i) dan (ii) di atas kepada penawar yang berjaya.
 - iv) memberi kepada penawar yang berjaya salinan yang diakui sah perintah perletakhakkan (jika ada) dan Borang Penukaran Nama dan Borang 13 Akta Syarikat (jika ada) bagi membolehkan penawar yang berjaya mendaftarkan Sijil Jualan dalam Borang 16F Kanun Tanah Negara 1965 dengan Pejabat Tanah yang berkenaan.
20. Plaintiff atau peguam Plaintiff hendaklah dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penerimaan baki harga belian menyerahkan kepada mahkamah suatu Penyata Akaun Penerimaan dan bayaran.
21. Mahkamah hendaklah dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh penerimaan Perakuan Bertulis penerimaan baki harga belian daripada Plaintiff menyerahkan kepada penawar yang berjaya dokumen-dokumen berikut:
 - i) Sijil Jualan dalam Borang 16F Kanun Tanah Negara 1965 yang mana telah disediakan dan dilengkapkan terlebih dahulu oleh penawar yang berjaya; dan
 - ii) Salinan asal dokumen Ikatan Gadaian atau Geran Hak Milik Tanah atau dokumen hak milik keluaran yang dicetak oleh komputer atau salinan pendua pajakan mengikut mana yang berkenaan.
22. Jika terdapat lebih baki harga belian setelah ditolak jumlah yang terhutang oleh Defendan di atas gadaian tersebut dan segala perbelanjaan lelongan, Plaintiff hendaklah dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan penuh baki harga belian menyerahkan kepada Defendan lebih baki harga belian tersebut.
23. Hartanah yang berjaya dilelong adalah dipercayai dan akan dianggap sebagai diperihalkan dengan betul dan dijual tertakluk kepada semua ismen (easement), kaveat, tenansi, tanggungan dan hak (jika ada) yang wujud di atas atau terhadapnya yang timbul untuk mentakrif ia masing-masing dan tiada kesilapan kenyataan yang salah atau deskripsi yang salah akan membatalkan penjualan dan tiada bayaran ganjaran yang akan dibuat.
24. Pihak Plaintiff tidak akan bertanggungjawab untuk mengemukakan dan menyerahkan milikan kosong hartanah berkenaan kepada penawar yang berjaya.
25. Bagi tujuan pendaftaran Sijil Jualan dalam Borang 16F Kanun Tanah Negara 1965, sebarang keperluan untuk memperolehi persetujuan Pihak Berkuasa Negeri berkenaan dengan sekatan-sekatan kepentingan hartanah tersebut adalah tidak terpakai.
26. Jika berlaku apa-apa percanggahan, kenyataan salah atau kesilapan yang terdapat di dalam terjemahan butir-butir dan Syarat-Syarat Jualan ke bahasa-bahasa lain, Syarat-Syarat Jualan dalam versi Bahasa Melayu adalah terpakai.

拍賣通告

事關吉隆坡馬來亞高庭, 執行申請列號 WA-38-1165-11/2019

事關 1965 年國家土地法典, 第 256 項及事關 2012 年法庭條例下第 83 項 1 第

事關產業抵押之提呈號 34752/2015, 34753/2015, 34754/2015 及 34755/2015 之地契: PN (WP) 30043, 地段: Lot 57789, 鎮: Batu, 區: 吉隆坡, 州: 布城
聯邦直轄區

承押人: MAYBANK ISLAMIC BERHAD (公司號碼: 787435-M)

抵押人: POWER PRESS & DESIGN (M) SDN BHD (公司號碼: 670793-M)

茲遵照吉隆坡馬來亞高庭於 25.06.2019 及 26.12.2019 所發出之諭令, 下列產業將於 12/02/2020, 星期三, 早上 9.30 由該庭助理及拍賣師協助下, 假位於吉隆坡高庭拍賣室舉行公開拍賣。

地契: PN 30043, 地段: Lot 57789, 鎮/區/州: Batu/吉隆坡/布城聯邦直轄區, 期限: 99 年租凭至 06.03.2101, 土地面積: 232 平方公尺(2,497 平方尺), 年稅: RM427.00 註冊業主: POWER PRESS & DESIGN (M) SDN BHD (公司號碼: 670793-M) (1/1 股份), 用途: 建築物, 優先條件: 住宅建築, 利益限制: 請參閱馬來文版本, 利益限制, 負債: 抵押予 MAYBANK ISLAMIC BERHAD 之提呈號 PDSC34752/2015, PDSC34753/2015, PDSC34754/2015 及 PDSC34755/2015 及註冊於 19.08.2015.

產業位置與描述

該產業為一層半中間單位的排式工廠, 位於: NO. 4, JALAN 12/32B, TSI BUSINESS INDUSTRIAL PARK, BATU 6 ½, OFF JALAN KEPONG, 52100 KUALA LUMPUR.

該產業將按照保留價一百八十萬零吉(RM1,800,000.00)與“原有狀況”及其他拍賣條件下出售, 欲投標者需在拍賣前早上 9.00 以銀行匯票向 MAYBANK ISLAMIC BERHAD 事先寄存保留價值之 10%, 而余額可在(120)天內向 MAYBANK ISLAMIC BERHAD 付清。

欲知詳情,請聯絡:-

- 1) 拍賣師名字 : Lee Suh Miin
公司名字 : Good Land Management Sdn Bhd (912947-A)
地址 : No. 46-A, 1st Floor, Jalan SS2/61, 47300 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
電話號碼 : 03-7876 6688 傳真號碼: 03-7876 3688
- 2) 律師樓名字 : TETUAN C H YEAP MALUDA CHEH
地址 : 18-3A, Udarama Complex, Jalan 3/64A, Off Jalan Ipoh, 50350 Kuala Lumpur
電話號碼 : 03-4041 0405 傳真號碼: 03-4041 1536
參考號碼 : F.Clo/110673/19/600(B)/YCH/sf

(本文为翻譯本 , 一切均為馬來文版本為準)

ஏல் விற்பனைப் பிரகடனம்

மலாயா உயர் நீதிமன்றம், கோலாலம்பூர், சிவில் பிரிவு
ஆரம்ப அழைப்புக் கட்டளை எண். WA-38-1165-11/2019

MAYBANK ISLAMIC BERHAD (COMPANY NO.: 787435-M).....வாதி

POWER PRESS & DESIGN (M) SDN BHD (COMPANY NO.: 670793-M).....பிரதிவாதி

கோலாலம்பூர், மலாயா உயர் நீதிமன்றம் கட்டந்த 25-6-2019 மற்றும் 26-12-2019 ஆகிய தேதிகளில் வெளியிட்ட கட்டளைக் கிணங்க கோலாலம்பூர், மலாயா உயர் நீதிமன்ற உதவிப் பதிவதிக்காரி அவர்களால் கீழ்க்காணும் ஏலாதிபரின் உதவியோடு வருகின்ற,

12-2-2020 (Wednesday) at 9.30 a.m.

லெவல் 2, சாயாப் கிரி, காம்பெளக்ஸ் மஹாமா ஜாலான் துங்கு அப்துல் ஹாலிம் (ஜாலான் டீத்தா),

50592 கோலாலம்பூர் எனும் முகவரியில் உள்ள கோலாலம்பூர், உயர் நீதிமன்ற

ஏல் அறையில் பகிரங்கமாக ஏலங்கூறி விற்கப்படும்

குறிப்பிடப்பட்டுள்ள சொத்துக்குரிய விளக்கங்கள்: இதன் கிராண்டு எண். : PN 30043, வாட் எண். : வாட் 57789, முக்கீம்/மாவட்டம்/மாநிலம்: பத்து/கோலாலம்பூர்/கூட்டரசுப் பிரதேசம் கோலாலம்பூர், தவணை: 99 வருடத் தவணை - 6/3/2101 இல் காலாவதியாகும், நிலப்பரப்பளவு: 232 சதுர மீட்டர் (2,497 சதுர அடி), வருட வாடகை: RM427.00, பதிவுபெற்ற உரிமையாளர்(கள்): POWER PRESS & DESIGN (M) SDN BHD (COMPANY NO.: 670793-M) - (1/1 பங்கு), நிலப் பயன்பாடு: இண்டஸ்ட்ரி, கட்டுப்பாடுகள், நிபந்தனை : தேசிய மொழியில் உள்ளதைப் பார்க்கவும், அடமானம் : மேபேங்க் இஸ்லாமிக் பெர்ஹாடில் 19/8/2015 இல் அடமானம் வைக்கப்பட்டுள்ளது.

குறிப்பு: இச்சொத்தை ஏலத்தின் மூலம் வாங்க விரும்புவர்கள் நில அலுவலகத்தின் மூலம் இதன் கிராண்டு சம்பந்தமான தகவல்களை விசாரித்து தெரிந்து கொள்வதுடன் இச்சொத்தையும் நேரில் சென்று பார்வையிடும்படி கேட்டுக்கொள்ளப்படுகிறார்கள்.

இச்சொத்தானது இடைப்பட்ட ஒன்றரை மாடி தொடர் லீபெக்டரி யாகும். இச்சொத்தின் தபால் முகவரி: NO. 4, JALAN 12/32B, TSI BUSINESS INDUSTRIAL PARK, BATU 6 ½, OFF JALAN KEPONG, 52100 KUALA LUMPUR.

இச்சொத்தானது "இப்போது உள்ள நிலையிலேயே" ஏலவிலிகளின் சட்டதிட்டங்களுக்கிணங்க விற்கும் ஒதுக்குரிமை விலை: RM1,800,000.00

இச்சொத்தை ஏலத்தின் மூலம் வாங்க விரும்புகிறவர்கள் இதன் ஒதுக்குரிமை விலையின் 10% தொகைக்கு MAYBANK ISLAMIC BERHAD என்ற பெயரில் பேங்க் டிராப்ட் எடுத்து ஏலம் நடைபெறும் நாள் காலை 9.00 மணிக்கு முன்னர் முன்பணமாக செலுத்துவதுடன் பாக்கித் தொகையை இதன் விற்பனைத் தேதியிலிருந்து நூற்றியிருபது (120) நாள் தவணைக்குள் MAYBANK ISLAMIC BERHAD இடம் செலுத்த வேண்டும். மேலும் விபரங்களுக்கு தயவு செய்து தொடர்பு கொள்ளவும்:-

- 1) Auctioneer : Lee Suh Miin
Company Name : Good Land Management Sdn Bhd (912947-A)
Address : No. 46-A, 1st Floor, Jalan SS2/61, 47300 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Telephone No. : 03-7876 6688, Fax No.: 03-7876 3688
- 2) Name of Law Firm : MESSRS C H YEAP MALUDA CHEH
Address : 18-3A, Udarama Complex, Jalan 3/64A, Off Jalan Ipoh, 50350 Kuala Lumpur
Telephone No : 03-4041 0405, Fax No. : 03-4041 1536
Reference No. : F.Clo/110673/19/600(B)/YCH/sf

MEMORANDUM JUALAN

Dalam jualan secara lelongan awam pada **12^{HB} FEBRUARI 2020**, mengenai harta seperti mana dalam butir-butir Perisytiharan Jualan iaitu PN 30043, Lot 57789, Mukim Batu, Daerah Kuala Lumpur dan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang beralamat di **NO. 4, JALAN 12/32B, TSI BUSINESS INDUSTRIAL PARK, BATU 6 ½, OFF JALAN KEPONG, 52100 KUALA LUMPUR.**

(Nama: _____)

(NO: K/P: _____) telah diisytiharkan sebagai pembeli harta tersebut dengan harga Ringgit Malaysia _____ (RM _____).

Penawar yang berjaya akan membayar baki harga belian dan menyempurnakan pembelian mengikut Syarat-Syarat Jualan. Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar dengan ini mengesahkan jualan tersebut dan mengakui penerimaan deposit 10 peratus oleh Plaintiff.

Harga belian : _____

Wang deposit 10% yang dibayar : _____

Baki harga belian : _____

Tarikh akhir bayaran baki harga belian : **10.06.2020**

Tandatangan Penawar yang Berjaya : _____

Nama Penawar yang Berjaya : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Alamat : _____

No. Tel : _____

Tandatangan Wakil (jika berkaitan) : _____

Nama Wakil : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Alamat : _____

No. Tel : _____

Tandatangan Plaintiff/Peguam Plaintiff : _____

Nama Plaintiff/Peguam Plaintiff : _____

Alamat Firma Peguam : **TETUAN C H YEAP MALUDA CHEH**
18-3A, Udarama Complex, Jalan 3/64A, Off Jalan Ipoh, 50350 Kuala Lumpur

Tandatangan Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar : _____

Nama Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar : _____



PPC
INTERNATIONAL SDN BHD
(405011-U)



Front view of the Property (indicated by a red arrow).



General view of the Property (indicated by a red arrow) in relation to its surrounding.

PHOTOGRAPHS
(NOT TO SCALE)

APPENDIX "R"

FILE REF : PPC/19/V0891

CHECKED BY :